



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

Bil.3/2018

### **SPR PAMER SYOR KEDUA KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI SELANGOR SELAMA SEBULAN**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah selesai menjalankan urusan siasatan tempatan (*local inquiry*) kali pertama bagi bantahan terhadap Syor-Syor Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri Bagi Negeri Selangor. Pada sesi siasatan tempatan kali pertama yang diadakan pada 27 Disember 2016 hingga 9 Januari 2018 itu, sebanyak 116 representasi bantahan yang layak telah dijemput hadir bagi mendengar dengan lebih lanjut bantahan mereka.
2. SPR telah menimbang semua representasi bantahan yang diterima daripada pihak-pihak yang layak dan turut menilai bantahan bertulis yang telah difailkan oleh pembantah yang gagal hadir ke sesi siasatan tempatan tersebut sebelum membuat apa-apa perubahan terhadap syor persempadanan bagi negeri Selangor.
3. Berikutan dengan itu, SPR akan mempamerkan Notis Syor-Syor Yang Dicadangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri Dalam Negeri Selangor Sebagaimana Yang Telah Dikaji Semula Oleh SPR Dalam Tahun 2018 selama sebulan bermula pada **15 Januari 2018 (Isnin) hingga 14 Februari 2018 (Rabu)** di tempat-tempat yang dinyatakan di dalam Notis yang akan disiarkan di **akhbar-akhbar tempatan pada 15 Januari 2018 (Isnin)** untuk tujuan semakan dan

bantahan bagi kali kedua. SPR juga akan turut menyiarkan Notis tersebut di laman portal rasmi SPR pada tarikh berkenaan.

4. Jumlah bilangan pemilih seramai **2,078,311 orang** dalam Daftar Pemilih semasa yang telah diperakukan dan diwartakan pada 13 Mei 2016 masih digunakan sebagai asas dalam penyediaan syor Kajian Semula Persempadanan ini.
5. Butiran mengenai syor yang dicadangkan akan dinyatakan dalam Notis yang akan disiarkan nanti. Butiran tersebut akan menunjukkan keseluruhan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri dalam negeri Selangor.
6. Satu salinan syor-syor yang dicadangkan itu berserta rang pelan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri Selangor juga dipamerkan untuk pemeriksaan orang ramai semasa waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja di tempat-tempat seperti yang dinyatakan dalam Notis yang disiarkan.
7. Sebarang bantahan terhadap syor-syor tersebut, hanya boleh dibuat oleh pihak-pihak yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan sahaja iaitu:
  - (a) Kerajaan Negeri; atau
  - (b) Mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang keseluruhan atau sebahagian kawasannya termasuk di dalam bahagian-bahagian pilihan raya yang tersentuh oleh syor itu; atau
  - (c) Sekumpulan orang seramai 100 atau lebih yang nama mereka ditunjukkan dalam daftar pemilih semasa bagi bahagian-bahagian pilihan raya berkenaan.

8. Setiap representasi membantah syor-syor yang dicadangkan itu hendaklah **dikemukakan secara bertulis** dan dialamatkan **kepada Pengarah Pilihan Raya Negeri Selangor** seperti di alamat berikut:

**Pengarah  
Pejabat Pilihan Raya Negeri Selangor  
Lot. 03 - 11, Tingkat 3, Kompleks PKNS  
40690 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan**

Setiap representasi bantahan tersebut hendaklah sampai kepada SPR di alamat berkenaan dalam tempoh sebulan penyiaran Notis tersebut.

Sekian.

**TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH**  
Pengerusi  
Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)

**PUTRAJAYA**  
Tarikh: 14 Januari 2018 / 26 Rabiulakhir 1439H